



**KENYATAAN MEDIA
JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA
15 JAMADIL AKHIR 1439H / 3 MAC 2017**

**IMIGRESEN MALAYSIA DAN SINGAPURA SEPAKAT TINGKAT KECEKAPAN
PERGERAKAN KELUAR MASUK KEDUA - DUA NEGARA**

Pegawai-pegawai dari Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Immigration & Checkpoints Authority, Singapore (ICA) bertemu dalam Mesyuarat Bilateral Malaysia – Singapura berkaitan Imigresen buat kali ke-5 pada 2 MAC 2018 (Jumaat) di Bangunan ICA, Singapura.

Delegasi Malaysia di ketuai oleh Ketua Pengarah Imigresen Dato' Seri Haji Mustafar Haji Bin Haji Ali dan Singapura di ketuai oleh Pesuruhjaya ICA, Clarence Yeo beserta berserta 24 pegawai pengurusan tertinggi dari JIM dan ICA.

Mesyuarat tahunan ini merupakan satu medium dan platform bagi membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan keselamatan dan isu-isu keimigresenan yang memerlukan kerjasama dari kedua-dua negara.

Antara fokus utama perbincangan adalah dalam memudahkan operasi dan pelaksanaan pembangunan Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) Kuala Lumpur-Singapura yang akan meningkatkan kecekapan rangkaian pergerakan perjalanan, mengukuhkan hubungan ekonomi dan mengeratkan hubungan antara rakyat apabila ia siap kelak selain dapat membantu mengatasi masalah kesesakan lalulintas di Tambak Johor dan Laluan Kedua Malaysia.

Mesyuarat turut membincangkan berkenaan projek Sistem Transit Rapid (RTS) yang akan beroperasi di Bukit Chagar di Johor ke stesen Woodlands North di Singapura dijangka dapat membantu kedua-dua negara bagi menangani masalah kesesakan di Tambak Johor dan Tuas.

Selain isu-isu sempadan dan kawalan pergerakan keluar masuk, isu-isu keselamatan juga menjadi antara fokus utama perbincangan. Kedua - dua agensi juga menyatakan kesediaan untuk bertukar maklumat berkaitan kejadian pembolosan dan pemalsuan dokumen di pintu masuk kedua-dua negara yang berisiko mengancam keselamatan kedua-dua negara dan mengganggu kelancaran keluar masuk.

Aspek pembangunan kapasiti juga dipertingkatkan dengan program pertukaran pegawai dalam kursus dan kehadiran pegawai di persidangan antarabangsa yang akan dilaksanakan oleh Malaysia seperti semasa Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) pada April 2018 dan persidangan Ketua-Ketua Pengarah Imigresen ASEAN dan Ketua-Ketua Bahagian Hal Ehwal Konsul Kementerian-Kementerian Luar (DGICM) di mana Malaysia telah dipilih sebagai tuan rumah pada bulan Ogos 2018 kelak.

#TAMAT#

DATO' SERI HAJI MUSTAFAR BIN HAJI ALI
KETUA PENGARAH IMIGRESEN
MALAYSIA